



**KERAJAAN NEGERI JOHOR**

---

**SURAT PEKELILING ICT BILANGAN 1 TAHUN 2024**

---

**GARIS PANDUAN  
PENGURUSAN KOMPUTER SEWAAN  
KERAJAAN NEGERI JOHOR**

**SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**

**24 MAC 2024**

Diedarkan kepada:

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,  
Negeri Johor.



**ICT@JOHOR**

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor**

Aras 1, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad,  
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri, Johor

<http://www.johor.gov.my>

Telefon Pejabat : 07 266 6660 / 266 6661 Emel : [ict@johor.gov.my](mailto:ict@johor.gov.my)

Faksimili : 07 266 1667



Sila nyatakan rujukan surat kami apabila menjawab

Rujukan Kami: SUK.BSTJ.100-1/7/3 (8)

Tarikh: 24 Mac 2024

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,  
Negeri Johor.

---

## **SURAT PEKELILING ICT BILANGAN 1 TAHUN 2024**

---

### **GARIS PANDUAN PENGURUSAN KOMPUTER SEWAAN KERAJAAN NEGERI JOHOR**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ICT ini bertujuan menyediakan panduan kepada semua penerima kemudahan Komputer Sewaan di bawah seliaan Kerajaan Negeri Johor bagi memastikan pengurusan komputer sewaan dilaksanakan secara cekap, teratur dan berkesan mengikut peraturan yang ditetapkan.
2. Pengurusan Komputer Sewaan yang baik dapat memastikan kemudahan yang disediakan ini digunakan secara optimum dan membantu dalam penjimatan perbelanjaan Kerajaan.

#### **LATAR BELAKANG**

3. Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri Johor, penyediaan komputer peribadi (*desktop*) dan komputer riba (*laptop*) untuk Jabatan Kerajaan Negeri Johor diselaraskan secara berpusat oleh ICT@Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Johor bilangan 1/2021 pada 3 Mac 2021 telah meluluskan penyediaan komputer ini diuruskan secara sewaan bagi menambah baik kecekapan pengurusan aset ICT Kerajaan Negeri Johor.

5. Justeru itu, ICT@Johor menyediakan garis panduan ini dengan matlamat untuk memberi panduan dan menjelaskan tanggungjawab Ketua Jabatan, Pegawai Aset Jabatan dan Pengguna mengenai penerimaan dan penggunaan serta kepentingan menjaga keselamatan Komputer Sewaan yang dibekalkan.

## TAKRIFAN

6. Takrifan yang digunakan dalam Surat Pekeliling ICT ini adalah seperti berikut:
- (a) **“Pengguna”** merujuk kepada pegawai awam Kerajaan Negeri Johor yang menerima kemudahan komputer sewaan daripada ICT@Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor;
  - (b) **“Jabatan Kerajaan Negeri Johor”** merujuk kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Johor dan Jabatan Negeri Johor;
  - (c) **“Komputer Sewaan”** merujuk kepada komputer peribadi (*desktop*) dan komputer riba (*laptop*) yang dibekalkan secara sewaan;
  - (d) **“Spesifikasi Sederhana (*Medium End*)”** merujuk kepada spesifikasi komputer yang mencukupi untuk penggunaan *Office Automation* dan perisian-perisian umum;
  - (e) **“Spesifikasi Tinggi (*High End*)”** merujuk kepada spesifikasi komputer yang menyokong penggunaan perisian kejuruteraan, seni bina dan rendering video atau imej dengan resolusi tinggi;
  - (f) **“Komputer Lama”** merujuk kepada perkakasan komputer yang berusia melebihi lima (5) tahun;

- (g) **“Komputer Usang”** merujuk kepada perkakasan komputer yang berusia melebihi tujuh (7) tahun; dan
- (h) **“Jawatankuasa Siasatan”** merujuk kepada jawatankuasa yang dilantik secara bertulis oleh Setiausaha Bahagian ICT@Johor untuk mendapatkan maklumat bagi menentukan sebab-sebab berlaku kerosakan, kehilangan atau kecurian dan menyediakan Laporan Siasatan berserta syor tindakan kepada Setiausaha Bahagian ICT@Johor.
- (i) **“Kontraktor”** merujuk kepada syarikat dilantik yang bertanggungjawab untuk membekalkan komputer sewaan

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

7. Dalam melaksanakan garis panduan ini, Ketua Jabatan perlu memastikan perkara yang berikut:

- (a) Setiap Pengguna di bawah seliaan masing-masing untuk memahami dan mematuhi perkara yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini;
- (b) Pengguna bertanggungjawab membayar ganti rugi kepada pihak Kontraktor atas kerosakan, kehilangan atau kecurian Komputer Sewaan yang berpunca daripada kecuaiannya sendiri; dan
- (c) Tindakan tatatertib di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Perintah-Perintah Am Bab D – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) dikenakan atas pegawai yang sengaja menyebabkan kerosakan/kehilangan/penyelewengan/salah guna Komputer Sewaan dan sengaja menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

## **TANGGUNGJAWAB PEGAWAI ASET DI JABATAN**

8. Bagi memastikan kemudahan Komputer Sewaan dimanfaatkan sebaiknya, Pegawai Aset di jabatan adalah bertanggungjawab terhadap perkara berikut:

- (a) Menerima aset bagi pihak Pengguna di jabatan sekiranya Pengguna tersebut tidak dapat membuat penerimaan semasa pihak Kontraktor membuat penyerahan;
- (b) Menerima Komputer Sewaan yang dipulangkan dan memaklumkan kepada ICT@Johor untuk mengemaskini maklumat sekiranya Pengguna bertukar keluar dari jabatan masing-masing. Kemaskini ini hanya dibenarkan kepada pengganti Pengguna yang berpindah keluar sahaja; dan
- (c) Memulangkan Komputer Sewaan kepada ICT@Johor sekiranya berlaku pertukaran jabatan/ perletakan jawatan/ bersara/ kematian dan yang seumpamanya dan tiada pegawai baharu menggantikan jawatan tersebut. Komputer Sewaan tidak dibenarkan untuk disimpan dan tidak digunakan.

## **PENDEKATAN PELAKSANAAN**

9. Penyediaan kemudahan Somputer Sewaan ini adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:

- (a) Permohonan komputer dari jabatan Kerajaan Negeri Johor yang diterima oleh ICT@Johor melalui surat rasmi;
- (b) Kemudahan Komputer Sewaan ini hanya akan disediakan kepada Pegawai Awam lantikan tetap dan kontrak di Jabatan Kerajaan Negeri Johor;
- (c) Setiap Pegawai Awam yang layak akan dibekalkan satu (1) unit komputer sewaan sahaja;
- (d) Komputer Sewaan tidak dibekalkan kepada pegawai yang telah menerima komputer daripada sumber-sumber lain dan komputer tersebut masih beroperasi dengan baik;

- (e) Spesifikasi Komputer Sewaan yang dibekalkan adalah ditetapkan oleh ICT@Johor dengan mengambil kira gred jawatan, keperluan mobiliti dan penggunaan perisian dalam bidang tugas pegawai penerima sebagaimana jadual berikut namun tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan Setiausaha Bahagian ICT@Johor sekiranya baki Komputer Sewaan masih mencukupi setelah agihan mengikut keutamaan dibuat; dan

Bil.	Jenis Komputer	Kategori	Pegawai Yang Layak
1.	Komputer Peribadi ( <i>Desktop</i> )	Spesifikasi Sederhana ( <i>Medium End</i> )	Gred 19 hingga 40
		Spesifikasi Tinggi ( <i>High End</i> )	Gred 19 hingga 40 bagi Skim Perkhidmatan Kejuruteraan (J)
2.	Komputer Riba ( <i>Laptop</i> )	Spesifikasi Sederhana ( <i>Medium End</i> )	Gred 29 ke atas
		Spesifikasi Tinggi ( <i>High End</i> )	Gred 29 ke atas bagi Skim Sistem Maklumat (F), Kejuruteraan (J)

- (f) Keutamaan agihan akan diberikan kepada penggantian Komputer Lama dan Komputer Usang yang tidak sesuai untuk menampung keperluan minima perisian terkini.

## PEMAKAIAN

10. Surat Pekeliling ICT ini terpakai kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri Johor yang menerima kemudahan Komputer Sewaan daripada ICT@Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

## **TARIKH KUAT KUASA**

11. Surat Pekeliling ICT ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

## **PERTANYAAN**

12. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ICT ini boleh dikemukakan kepada:

### **ICT@Johor**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor  
Aras 1 Bangunan Dato' Jaafar Muhammad  
Kota Iskandar  
79503 Iskandar Puteri Johor.

No. Telefon : 07-266 6660/6661  
No. Fax : 07-266 1667/1668  
E-mel : [ict@johor.gov.my](mailto:ict@johor.gov.my)

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI)**  
Setiausaha Kerajaan  
Johor

**Lampiran kepada  
Surat Pekeliling ICT Bilangan 1 Tahun 2024**

**GARIS PANDUAN  
PENGURUSAN KOMPUTER SEWAAN  
KERAJAAN NEGERI JOHOR**

**ICT@Johor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor**



## MAKLUMAT DOKUMEN

---

**Tajuk** : **Garis Panduan Pengurusan Komputer  
Sewaan Kerajaan Negeri Johor**

---

**Versi** : **1.0**

---

**Tarikh Kuat Kuasa** : **24 Mac 2024**

---

**Pemilik** : **ICT@Johor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor**

---

## REKOD PINDAAN DOKUMEN

<b>TARIKH</b>	<b>VERSI</b>	<b>KETERANGAN PINDAAN</b>
<b>24 Mac 2024</b>	<b>1.0</b>	-

## **KANDUNGAN**

<b>1. TUJUAN</b>	<b>1</b>
<b>2. PENGGUNAAN KOMPUTER</b>	<b>1</b>
<b>3. PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN KOMPUTER</b>	<b>2</b>
<b>4. PERTUKARAN PENGGUNA DAN LOKASI</b>	<b>4</b>
<b>5. PENYELENGGARAAN</b>	<b>5</b>
<b>6. KEROSAKAN, KEHILANGAN DAN KECURIAN</b>	<b>5</b>
<b>7. PENUTUP</b>	<b>6</b>

## 1. TUJUAN

- 1.1. Dokumen ini bertujuan untuk menyediakan panduan kepada penerima kemudahan Komputer Sewaan di Jabatan Kerajaan Negeri Johor mengenai tanggungjawab dan amalan terbaik dalam memastikan perkakasan yang dibekalkan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat.

## 2. PENGGUNAAN KOMPUTER

- 2.1. Peraturan penggunaan Komputer Sewaan hendaklah mematuhi tatacara seperti berikut:
  - (a) Digunakan oleh pegawai yang layak bagi tujuan tugas rasmi sahaja;
  - (b) Digunakan oleh pegawai yang dinamakan semasa penyerahan sahaja dan tidak boleh ditukar kepada pegawai lain tanpa kebenaran daripada ICT@Johor;
  - (c) Pengguna adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penggunaan Komputer Sewaan yang dibekalkan dan perlu menjaga keselamatan perkakasan dan maklumat Kerajaan yang tersimpan di dalamnya;
  - (d) Penggunaan perisian tidak sah atau perisian cetak rompak adalah tidak dibenarkan bagi mengelakkan sebarang insiden keselamatan maklumat Kerajaan.
  - (e) Pengguna adalah dipertanggungjawabkan ke atas sebarang penyalahgunaan sekiranya komputer tersebut digunakan oleh pihak-pihak lain;
  - (f) Agihan komputer sewaan akan direkod menggunakan borang *User Acceptance Test Form* yang akan diserahkan oleh pihak Kontraktor kepada Pengguna setelah selesai pemasangan komputer;

- (g) Komputer sewaan dan aksesori hendaklah digunakan dengan baik dan sentiasa berada dalam keadaan bersih, lengkap, sempurna dan selamat;
- (h) Bagi memelihara keselamatan maklumat terperingkat, pengguna hendaklah mematuhi Arahan Keselamatan Kerajaan dan Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Negeri Johor; dan
- (i) ICT@Johor tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang penyalahgunaan Komputer Sewaan oleh Pengguna.

### **3. PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN KOMPUTER**

- 3.1. Secara umumnya, cara penggunaan, penjagaan dan penyimpanan Komputer Sewaan adalah sama seperti tatacara yang terkandung dalam Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang berkuatkuasa.

#### **3.1.1. Penjagaan dan penyimpanan semasa di pejabat**

- (a) Komputer Sewaan hendaklah sentiasa berada di bawah kawalan dan pengawasan pegawai yang dipertanggungjawabkan.
- (b) Komputer peribadi adalah tidak boleh dibawa keluar dari pejabat melainkan mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan masing-masing.
- (c) Komputer riba yang tidak digunakan dalam tempoh masa yang lama tidak digalakkan diletakkan di atas meja dan hendaklah disimpan di dalam almari/kabinet yang berkunci.
- (d) Komputer Sewaan tidak boleh dibiarkan terletak dan dilihat di tempat umum tanpa pengawasan.

**3.1.2. Penjagaan dan penyimpanan semasa di rumah atau di luar pejabat**

- (a) Komputer riba hendaklah disimpan di dalam almari yang berkunci.
- (b) Komputer riba tidak boleh dibiarkan terletak di ruang tamu, di atas meja makan, di tepi tingkap, di tepi pintu atau mana-mana lokasi yang mudah dicapai oleh orang yang tidak bertanggungjawab.
- (c) Sebelum meninggalkan rumah, tempat penginapan dan sebagainya, pengguna hendaklah memastikan bilik serta premis di mana komputer riba disimpan berada dalam keadaan berkunci dan selamat.

**3.1.3. Penjagaan semasa menghadiri program luar (mesyuarat/kursus/seminar/bengkel/latihan)**

- (a) Sepanjang menghadiri program luar, komputer riba mestilah sentiasa berada di bawah kawalan dan pengawasan pegawai sepenuhnya.
- (b) Komputer riba yang ditinggalkan di dalam bilik program adalah menjadi tanggungjawab Pengguna sekiranya berlaku kehilangan.

**3.1.4. Penjagaan semasa di dalam kenderaan**

- (a) Komputer riba tidak boleh ditinggalkan di dalam kenderaan tanpa pengawasan.
- (b) Komputer riba mestilah disimpan di dalam boot penyimpanan yang berkunci dan tidak dapat dilihat

sekiranya Pengguna perlu meninggalkan kenderaan tanpa membawa komputer riba tersebut.

- (c) Komputer riba yang dibawa dengan kenderaan lain seperti motosikal hendaklah diletakkan di dalam bekas khas yang sentiasa berkunci dan tidak dapat dilihat.
- (d) Komputer riba hendaklah sentiasa dilindungi daripada unsur-unsur kecurian, terkena air (hujan, banjir dan sebagainya) atau haba tinggi (panas terik matahari dan sebagainya).

#### **4. PERTUKARAN PENGGUNA DAN LOKASI**

- 4.1. Pengguna bertanggungjawab untuk memulangkan kembali Komputer Sewaan kepada Pegawai Aset di jabatan masing-masing apabila bertukar jabatan/ letak jawatan atau bersara dan yang seumpamanya.
- 4.2. Pengguna perlu memastikan semua data di dalam Komputer Sewaan telah dibuat salinan (*backup*) ke peranti storan lain sebelum diserahkan kepada Pegawai Aset jabatan. ICT@Johor juga ada menyediakan perkhidmatan storan awan (*cloud storage*) di <https://drive.johor.gov.my> untuk memudahkan Pengguna membuat salinan data. Pengguna perlu menghubungi ICT@Johor sekiranya hendak menggunakan kemudahan storan awan ini.
- 4.3. Pengguna yang bertukar secara dalaman perlu memaklumkan kepada Pegawai Aset di jabatan jika Komputer Sewaan perlu dibawa bersama.
- 4.4. Sekiranya Pegawai Kerajaan tidak memulangkan Komputer Sewaan walaupun setelah diberikan peringatan, satu laporan polis boleh dibuat untuk kes kecurian yang memungkinkan tindakan diambil di bawah Seksyen 378 dan Seksyen 379 Kanun Keseksaan.

## **5. PENYELENGGARAAN**

- 5.1. Penyelenggaraan pencegahan (*Preventive Maintenance*) dilaksanakan secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan oleh Kontraktor sepanjang tempoh kontrak sewaan. Pengguna hendaklah memberi kerjasama sepanjang tempoh penyelenggaraan pencegahan dilakukan.
- 5.2. Sekiranya Pengguna tidak membenarkan Komputer Sewaan diselenggara atas faktor-faktor tertentu, Pengguna perlu memaklumkan kepada wakil Kontraktor dan wakil ICT@Johor yang hadir semasa penyelenggaraan dengan menyatakan justifikasi untuk catatan rekod ICT@Johor.

## **6. KEROSAKAN, KEHILANGAN DAN KECURIAN**

- 6.1. Pengguna hendaklah segera membuat aduan kepada Meja Bantuan (*Help Desk*) ICT di talian 07-266 7777 atau emel [helpdeskict@johor.gov.my](mailto:helpdeskict@johor.gov.my) sekiranya Komputer Sewaan menghadapi masalah. Dalam situasi berlaku kerosakan besar atau memerlukan kesegeraan, Pengguna juga boleh menghubungi talian yang tertera di pelekat pada Komputer Sewaan sekiranya tidak dapat menghubungi Meja Bantuan ICT.
- 6.2. Pengguna hendaklah menjaga dan menggunakan Komputer Sewaan dengan baik. Sebarang kerosakan akibat kecuaiian atau penyalahgunaan adalah di bawah tanggungjawab Pengguna sendiri.
- 6.3. Adalah menjadi tanggungjawab Pengguna untuk melaporkan segera dalam tempoh 24 jam apabila berlaku kehilangan atau kecurian Komputer Sewaan di Balai Polis yang berhampiran. Pengguna juga bertanggungjawab menyerahkan salinan laporan polis tersebut kepada Setiausaha Bahagian ICT@Johor melalui Ketua Jabatan masing-masing dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh laporan dibuat.

- 6.4. Setiausaha Bahagian ICT@Johor akan menyerahkan salinan laporan polis kepada Jawatankuasa Siasatan untuk siasatan lanjut dan tindakan susulan.
- 6.5. Berdasarkan laporan daripada Jawatankuasa Siasatan, sekiranya terdapat unsur kecuaiian, ICT@Johor akan memaklumkan nilai ganti rugi yang perlu dibayar oleh Pengguna yang bertanggungjawab atas kerosakan, kehilangan atau kecurian komputer tersebut berdasarkan nilai ganti rugi yang diberikan oleh Kontraktor.
- 6.6. Pihak Kontraktor akan menggantikan Komputer Sewaan yang baharu kepada Pengguna selepas bayaran ganti rugi dilakukan.
- 6.7. Sekiranya laporan siasatan mendapati tiada unsur kecuaiian, pihak Kontraktor akan menggantikan terus Komputer Sewaan yang baharu kepada Pengguna.

## **7. PENUTUP**

- 7.1. Pengguna hendaklah mematuhi garis panduan ini dalam memastikan pelaksanaan kemudahan penyampaian ICT khususnya perkhidmatan Komputer Sewaan di bawah seliaan Kerajaan Negeri Johor berjalan lancar bagi memenuhi keperluan urusan rasmi Kerajaan.
- 7.2. Kemudahan ICT juga boleh dilucutkan jika penggunaan Komputer Sewaan melanggar peraturan/polisi ICT@Johor.